

Nur Misuari mungkin dihantar ke negara ketiga

UM 1 1 DEC 2001

PUTRAJAYA 10 Dis. — Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao (ARMM), Nur Misuari mungkin dihantar ke negara ketiga jika Filipina masih enggan menerimanya pulang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, itu adalah satu kemungkinan yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Katanya, Malaysia tidak akan memaksa mana-mana negara menerima Misuari tetapi akan menghantarnya ke negara yang sedia menerima bekas pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Bangsa Moro (MNLF) itu.

Nur Misuari sebelum ini pernah menyatakan hasrat mahu ke Arab Saudi.

Abdullah menegaskan, pendirian Malaysia adalah jelas sejak awal lagi iaitu Misuari tetap akan dihantar pulang.

"Memang dari awal pun kita nak hantar ke situ (Filipina). Kalau mereka mahu kita hantarlal kalau mereka tak mahu...anggap Misuari dah tidak berguna lagi, tak mahu lagi, kita hantarlal ke manapun negara yang mahu terima dia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Jumaat lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia membawa bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam, Mindanao (ARMM), Nur Misuari keluar daripada negara ini selepas dia ditahan oleh polis di Pulau Jampiras, Sarawak pada 24 November lalu.

Bagaimanapun katanya, perkembangan terakhir yang boleh mempengaruhi proses penghantaran keluar itu akan dipantau dengan teliti.

"Saya telah memberi taklimat kepada Majlis Tertinggi (MT) UMNO bersama Timbalan Presiden UMNO (Datuk Seri Abdullah Ahmad).

"Kita bersedia menghantar Misuari keluar daripada Malaysia," katanya.

Dalam perkembangan yang sama di Manila, Presiden Gloria Macapagal Arroyo berkata, kerajaan Filipina sedang membuat persiapan untuk membawa pulang dan mendakwa Misuari yang kini ditahan di Malaysia.

Katanya, beliau tidak mahu membebankan negara jirannya terlalu lama.

"Saya amat berterima kasih kepada Dr. Mahathir kerana bekerjasama dengan Filipina berhubung isu Misuari," katanya pada sidang akhbar Jumaat lalu.

Ditanya mengenai ura-ura kerajaan akan menghantar pulang Misuari hari ini, Abdullah berkata, beliau tidak perlu mengulas mengenai khabar angin.

Bagaimanapun katanya, kerajaan berasa gembira jika benar laporan yang mengatakan Arroyo sedia menerima Misuari pulang ke negara itu.

"Saya gembira kalau benar Arroyo sedia ambil dia, baguslah dan ambillah cepat-cepat, apa yang akan dilakukan oleh Filipina saya tak perlu komen," jelasnya.